Seperti biasa. Racun racun racun. Suka sngt tun membatu-api dan cari pasal. Dah berusia tua masih nak cakap banyak. Rehatlah di rumah, hati jgn sempit. Sembayang byk sikit. Tengok wayang bollywood pun boleh. Kan tun faham hindi kan? Atau sudah lupa hindi? Tidur bnyk sikit macam Badawi yang awak pilih kemudian maki hamun sama dia. Funny la Tun. Tun tulis satu blog, Pashit syok, tulis karangan demi karangan. Taktau siapa nak baca. Buat pandai. Membodek. Tun, rehat minum kopi, main dgn cucu kan bagus? Semoga Tun dan keluarga sihat sihat belaka.

## 21. *sibotak*

January 8, 2013 at 1:37 AM | [Permalink](#)

DI AZAN. DI QAMAT  
MARI MENERJAKAN IBADAH, SHOLAT  
MARI MENGEJAR KEJAYAAN  
ALLAH MAHA ESA  
NABI MUHAMMAD PERSURUH ALLAH

APA BENDA  
PAS, UMNO , PR TAK NAK BERSATU  
IRAQ, IRAN, LIBYA, SYRIA & DUNIA ISLAM  
TAK NAK BERSATU

SEPOTAN FILEM P. RAMLEE  
PELAJARAN DARI BAI JAGA YG KAFIR

SAYA BUKAN TUAN  
SAYA JAGA

.....LU PUN SATU  
ORANG BARU MINTA KERJA  
LU DAH MACAM MACAM  
APA MACAM LU BANGSA NAK MAJU

LU PUNYA NASIB LU MAKAN  
DIA PUNYA NASIB DIA MAKAN  
APA SALAH LU MAKAN SAMA SAMA

SEDIH,PILU HINGGA KINI MELAYU MASIH BERBELAH  
KUNCI KEJAYAAN MELAYU / ISLAM  
ADALAH HANYA UNTUK BERSATU  
ADAKAH IA SUSAH SANGAT  
BEGITU JUGA KEGAGALAN ISLAM / ARAB DI TIMUR TENGAH

ADAKAH SUSAH SANGAT NAK BERSATU  
ADAKAH BERTEGANG SESAMA SENDIRI MEMBAWA KEJAYAAN, KEBAIKAN

KITA SUDAH ADA JAWABANNYA  
KENAPA NAK SUSAHKAN DIRI SENDIRI

ADAKAH EGO, SIFAT SOMBONG, TAMAT PUNCA SEGALANYA  
TOLONG JAWAB TUN  
TOLONG JAWAB NIK AZIZ  
TOLONG JAWAB ANWAR  
TOLONG JAWAB PEMIMPIN ISLAM SEDUNIA

NANG.....BOTINANG  
TUI...BOTI TUI.....III

NAK KATA OLANG BUKAN OLANG  
NAK KATA HANTU PUN BUKAN HANTU

## 22. *Makhluk Halus*

January 8, 2013 at 12:47 AM | [Permalink](#)

Pelik jugak sama2 cintakan Allah, sama2 cintakan Nabi Muhammad S.A.W. berimamkan Imam Syafie tapi berbalah2. Semacam tak hormatkan pesan Nabi supaya umat Islam bersatu. Unity is strength. Bersatu teguh bercerai roboh. Bila dah roboh tinggal menang sorak aja lah.

Nampaknya orang2 PAS lebih keras amalannya dari orang2 UMNO. Tapi orang2 UMNO taklah kurang dari orang2 PKR. Kalau sebab amalan jadi ukuran, orang2 PKR pun PAS tak boleh ngam. Tapi setakat ni ok je. Rasa macam tak patut layan orang2 UMNO macam orang kafir.

Sebenarnya secara umum orang2 PAS nakkan negara diperintah ikut cara amalan mereka. Nak bersatu kena ikut cara mereka. Tapi kalau dengan PKR terpaksa ikut cara merekalah. Nanti dah menang bolehlah berunding semula dengan PKR nak perintah negara cara Islam (ikut amalan mereka). Kalau Anwar tak kasi? ntah, agaknya ikut cara PKR lah penyudahnya. Tak juga dapat ikut cara mereka.

Terus terang saya tak nampak Islam kemananya setakat ini. Selain daripada personaliti ulamak, kuat beramal dan sebagainya, saya tak nampak halatujunya perjuangan PAS ini. Apa yang dimaksudkan dengan negara kebajikan tak dapat ditafsir dengan jelas, adakah ianya merangkum kenaikan elaun OKU? Allahua'lam.

Adakah negara kebajikan juga merangkumi penggunaan perkataan Allah oleh orang bukan Islam?

### 23. shahrulnizam

January 7, 2013 at 7:56 PM | [Permalink](#)

PAS & UMNO are the only thing that malays own, currently. If they can't work together, malays are going down. Of course we have bad apples and pisangs in our buckets, we need to get rid those only. For the betterment of malays and muslims in Malaysia.

### 24. PASHit

January 7, 2013 at 7:02 PM | [Permalink](#)

salam Tun,

another excellent example of their forked tongues and conflicting statements for which they will have to answer at Padang Masyar.

MAT SYABU

Bishop Jesuit Gereja terlatih, Dr Paul Tan Chee Ing melahirkan rasa kelegaan dengan kenyataan Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu yang membenarkan penganut bukan Islam khususnya Kristian menggunakan kalimah Allah menggantikan Tuhan.

"Jaminan Timbalan Presiden PAS (bahawa partinya masih) kekal dengan pendiriannya tiga tahun lalu (2010) sungguh melegakan.

Kami menghormati pendiriannya yang konsisten dan mengagumi keberaniannya serta mengalu-alukan beliau sebagai rakan kebenaran yang ikhlas," katanya seperti dilapor portal Malaysiakini hari ini.

Kelegaan Bishop Paul kerana kenyataan Mohamad Sabu sebagai Timbalan Presiden PAS telah membidas hujah rakan sejawat parti yang lebih rendah kedudukan, Tuan Man Tuan Ibrahim, Ketua Penerangan PAS.

"Jaminan Mohamad Sabu bahawa PAS masih mengekalkan pendirian tiga tahun lalu adalah bantuan yang besar," kata Bishop Tan.

Bishop Tan yang juga Ketua gereja Katolik di Melaka-Johor, konsensus Pakatan Rakyat (PR) yang membenarkan kalimah 'Allah' digunakan oleh penganut Kristian adalah satu langkah progresif yang "menyalakan lampu pengetahuan untuk menghapuskan mitos dan tahyul."

Mohamad Sabu dalam kenyataannya kepada Malaysian Insider semalam menegaskan PAS masih kekal dengan keputusan menyokong penggunaan kalimah Allah untuk penganut bukan Islam seperti yang diputuskan oleh

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada 2010.

“Presiden Pas pernah mengeluarkan kenyataan pada 2010 untuk tidak melarang penganut selain Islam menggunakan kalimah Allah. Pas masih kekal dengan pendirian itu,” katanya.

HARUN TAIB

SHAH ALAM – Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib tetap dengan pendiriannya bahawa kalimah ALLAH tidak boleh digunakan untuk menggantikan “God” dalam Bible versi Bahasa Melayu sebagaimana disarankan oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng walaupun ada pemimpin tertinggi parti itu menyokongnya.

Semalam, Timbalan Presiden Pas Mohamad Sabu didakwa menyokong dan mengizinkan orang bukan Islam menggunakan kalimah ALLAH, seperti dilaporkan oleh sebuah portal berita.

Harun berkata, penggunaan kalimah ALLAH hanya untuk orang Islam dan Guan Eng tidak wajar meminta agar dibenar untuk menggunakannya dalam Bible Bahasa Melayu.

“Saya memang kata tak boleh, penggunaan kalimah ALLAH untuk orang Islam sahaja. Saya menegaskannya seperti sebelum ini saya sudah bercakap dan tak akan berubah.

“... Lim Guan Eng minta perkataan “God” ditukar menjadi kalimah ALLAH memang tak boleh,” katanya kepada Sinar Harian Online dengan nada tegas.

Isu kalimah ALLAH ini turut mendapat perhatian Presiden Jati, Datuk Dr Hasan Mohamed Ali yang menyifatkan Pas celaru dalam menentukan pendirian berhubung isu tersebut kerana terdapat pencanggahan di antara pemimpin tertinggi.

Harun bagaimanapun berkata, kenyataan Mat Sabu masih belum didengarnya dan isu berkaitan masih belum sampai kepadanya.

“Kenyataan Mat Sabu saya masih belum dengar daripada beliau sendiri dan masih belum sampai kepada saya,” katanya apabila ditanya mengenai kenyataan Mat Sabu di dalam sebuah portal berita terhadap isu itu.

AHHH WE CAN NOW SEE THE DEVIL'S HANDIWORK AT HAND! THESE PEOPLE ARE CONFLICTING THEMSELVES FOR THE SAKE OF DEMO AUTOCRATIC PARTY AND THE LOOSE BUTTS PARTY!

PASHIT

25. PASHit

January 7, 2013 at 6:51 PM | [Permalink](#)

salam Tun,

in addition to the 10,000 acres land deal to NgaNgekNgok, PAS also signed the Perjanjian Pangkor II. No wonder Nizar Lilin uttered the infamous words in DUN Perak regarding PAS never intended to establish an Islamic State! These people they have forked tongues!

Contoh yang terbaik ialah rakyat negeri Perak sendiri terkejut dengan pendedahan Mohd. Fadzil Jamaluddin, Abang kepada MB Perak, Dato' Seri Ir. Nizar Jamaluddin bahawa wujudnya 'Perjanjian Pangkor II' yang ditandatangani dengan DAP sebelum pembentukan Kerajaan Negeri. Intipati perjanjian ini antara lain melarang Menteri Besar menyebut negeri Perak diperintah oleh Islam dan terma-terma politik yang berkaitan PAS atau bahasa Arab seperti hudud dan Qisas.

Antara isi kandungan 'Perjanjian Pangkor II' yang ditandatangani Nga Kor Ming (Pengerusi DAP Perak) Nizar Jamaluddin ialah:

- 1) Nizar Jamaluddin sebagai MB Perak tidak boleh menyebut Perak akan menjalankan pemerintahan Islam.
- 2) Nizar Jamaluddin sebagai MB tidak boleh menyebut mana-mana terma yang berkaitan dengan PAS atau bahasa Arab seperti Hudud, Qisas dan lain-lain lagi.
- 3) Nizar Jamaluddin sebagai MB tidak boleh membuat keputusan sendiri sebagai kuasa MB sebaliknya semua perkara yang ingin dibuat perlu diperakukan oleh semua Exco Perak terlebih dahulu.
- 4) Pembahagian Exco yang diputuskan adalah 6 Exco DAP, 3 wakil Exco PKR dan 1 wakil PAS. DAP juga menuntut wakil speaker DUN Perak dari wakil DAP.

PAShit

## 26. PASHit

January 7, 2013 at 6:46 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

kenyataan2 dari pemimpin2 PAS yg jelas dan nyata mempersendakan hukum Hudud demi kepentingan politik mereka yg bertopengkan agama;.

1. "Jika pakatan berjaya perintah Perak maka kita akan mentadbir berpandukan Buku Jingga!" – Nizar Lilin ( hehe hudud langsung tak di sebut dlm buku jinggay!)
2. Jika PAS perintah Terengganu, sebelum Suboh kita akan laksanakan Hudud! – Hj Hadi (sebelum PRU 1999).
3. Hudud hanya 0.01% dalam hukum Islam – Hj Hadi (selepas PAS berjaya tawan Terengganu 1999).
4. Hudud tidak boleh dilaksanakan di Kedah! – Dato Azizan MB Kedah.
5. N.Ajis perlu ingat janji yang dibuat semasa berdialog di Persidangan Gereja-Gereja di Malaysia di Petaling Jaya, pada Mei 2000, PAS sudah memberi

jaminan kepada semua paderi kanan yang hadir dipersidangan tersebut bahawa PAS tidak akan melaksanakan negara Islam, apatah lagi hudud.

PAS CUMA PARTI POLITIK YG SANGGUP JUAL AGAMA DEMI CITA2 POLITIK MEREKA.

PAShit

## 27. PASHit

January 7, 2013 at 6:43 PM | [Permalink](#)

salam Tun,

sorry but I cant help it !

ORANG MELAYU SANGAT MUDAH TERTIPU DENGAN SERBAN , JUBAH DAN IMEJ YANG WARAK!

Biro Agama DAP a.k.a. PAS di penuh oleh ular mak auta penipu rakyat dengan serban dan jubah.

Masalahnya orang Melayu sangat senang kena tipu dengan orang pakai serban dan jubah ini termasuklah saya sendiri yang pernah kena tipu dgn Arwah Ustaz Assyaari dalam Al Arqam suatu masa dulu.

Nasib baik lah kami sekeluarga dan sedara mara kami mengikut nasihat bekas2 orang kuat Al Arqam iaitu Ustaz Mokhtar dan Ustaz Dahalan dan berduyun2 keluar dari pergerakan itu pada pertengahan 80an dulu.

Sekarang rakyat di tipu hidup2 oleh ahli2 politik ular mak dalam PAS pulak. DEJA VU.

Bayangkan N.ajis boleh ampunkan dosa ADUN Selising yg di tangkap berzina dgn isteri orang dalam keretapi oleh ketua keselamatan PAS sendiri! SEMUA INI DEMI POLITIK PENIPU PAS!

Apakah jasa2 PAS selama ini?

1. Kafir mengkafir sesama umat Islam.
2. Melarang umat Islam bersatu padu kerana dendam kesumat N.Ajis.
3. Lebih banyak membina berhala (3) dari masjid (1 sahaja) di Kelantan sepanjang 23 tahun memerintah. Yg satu2nya masjid di bina tu pun baru je siap!
4. Memundurkan bukan memajukan Kelantan.
5. Meluluskan 44 lesen arak walaupun kononnya mengaku Serambi Mekah.
6. Mengamalkan kronisme. Kroni2 dan sanak sedara pemimpin PAS dapat pelbagai tanah kurnia walaupun suka menuduh UMNO selama ini.
7. Membudayakan Cult of Personality N.Ajis hingga ketahap mendewa – dewakan. Yang kelakar sekali N.Ajis macam suka layanan tahap dewa oleh pengikut2 buta hati dan taksub ini.
8. Tidak memperbaiki mutu air di Kelantan walaupun Tun sendiri pernah meluluskan peruntukan RM 600 juta untuk menyelesaikan masalah ini pada akhir2 90an.
9. Mengaku memperjuangkan Islam tetapi dari segi pentadbiran lebih teruk dari komunis. Contoh2 terbaik i) Tabung Memali ( haram tau sebat duit anak2 yatim!) ii) Koperasi Kohilal iii) pemecatan Datuk Dr Hasan Ali dari PAS

10. Memfitnah kiri kanan depan belakang dengan muka selamba je. Satu fitnah yg saya tak dapat lupakan sampai bila2 ialah tuduhan Tun berkahwin dengan perempuan muda Cina Singapura. Ini saya dengar dengan telinga saya sendiri dari totok2 PAS!

11. Sanggup membelakangkan bukti2 sahih dan menyokong individu yang gila seks stor kunyit sebagai Ketua mereka semuanya demi politik. Kelakuan mereka ini sebenarnya dah macam umat Nabi Lut. Bayangkan kenyataan bodoh 'video itu besi!' demi mengakkan benang basah mereka.

12. Menularnya fahaman syiah dalam PAS dimana Naib Presidennya sendiri yang terkenal dgn kes khalwat dgn bini orang (kawan baik sendiri tu..) di lantik ke jawatan tertinggi dalam parti oleh pengikut2 buta hati dan taksub.

ada banyak lagi contoh2 betapa penipunya PAS ini yg berjaya mengaburkan mata masyarakat dengan imej alim kucing mereka.

SYAITAN DI AKHIR ZAMAN BERKETRAMPILAN LEBIH ALIM DARI ULAMAK.

NEVER JUDGE A BOOK BY ITS COVER.

KAJI BETUL2 TINDAK TANDUK MEREKA DAN JANGAN TERPENGARUH DENGAN DAKYAH MEREKA.

ORANG MELAYU SANGAT MUDAH TERTIPU DENGAN JUBAH DAN SERBAN LITUP.

Bayangkan dulu Karpal Singh boleh tuduh dalam Hansard Parlimen DSAI seorang peliwat, tetapi sekarang mengumumkan DSAI sebagai calon terbaik PM jika mereka menang PRU 13

(Nauzubillah!).

Bayangkan Mat Syabu yang dulu menggelarkan DSAI sebagai 'Al Syeikh Al Juburi' tetapi sekarang memartabatkan DSAI sebagai pemimpin mereka.

Kesimpulannya ANYTHING GOES FOR THE SAKE OF POLITICS! I SUCK YOU YOU SUCK ME!

YANG PENTING KITA DAPAT PUTRAJAYA! AGAMA PUN SANGGUP JUAL!

PAShit

28. *PAShit*

January 7, 2013 at 6:40 PM | [Permalink](#)

salam Tun,

wow this is my current favourite topic!

now let's see...hmmm...where do I start? Let's begin with C.N. Al Afghani ! Hadi can deny all he wants but tha damage has been done. I guess this ular mak will have to answer at Padang Masyar for all his deeds...

NAMA ZAINON ISMAIL tidak begitu dikenali ramai kerana figura bertubuh kecil tetapi berhati waja ini lebih dikenali dengan nama C.N. Al-Afghani. Nama itu sebenarnya merujuk kepada Cikgu Non.

Manakala Al-Afghani itu pula kerana beliau pernah berjuang bersama Mujahiddin di bumi Afghanistan demi mencari syahid ekoran pegangan beliau selepas taksub dengan amanat Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Akibat amanat Abdul Hadi yang mengkafirkan UMNO pada tahun 1981, perjalanan hidup C.N Afghani berubah secara drastik. Dek kerana ketaksuban terhadap amanat tersebut beliau tidak lagi mampu berfikir dengan kewarasan akal apabila sanggup mengkafirkan abang dan ayah sendiri.

Beliau juga terlibat dalam cubaan untuk menyerang bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama enam tahun kerana dakwaan terlibat mengetuai Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) C.N. Afghani tampil menceritakan kepada wartawan Wartawan Mingguan Malaysia, MOHD. ASRON MUSTAPHA kenapa beliau melahirkan buku Kafirkan Aku? yang memaparkan kepincangan politik Pas.

MINGGUAN: Sebagai seorang bekas aktivis dan ahli seumur hidup yang begitu tegar dengan perjuangan Pas, apa sebenarnya yang mendorong saudara menghasilkan buku Kafirkan Aku?

ZAINON: Pertama sekali atas kepentingan ummah berdasarkan pengalaman saya sendiri semasa mengkafirkan keluarga terutama abang saya hanya kerana dia ada jawatan dalam UMNO Perlis. Cukup lama saya putus hubungan dengan dia. Akhirnya saya fikir sampai bila? Benda ini mempengaruhi saya begitu lama. Ketenangan saya terganggu dengan isu ini.

Hubungan saya dengan bapa juga renggang pasal isu ini. Sebelah isteri pun sama. Saya tidak ziarah kalau mereka ada hubungan dengan UMNO, saya tidak pernah bermalam di rumah bapa mertua malah ketika dia meninggal dunia pun saya tak ziarah secara sepatutnya. Saya tahu dia meninggal dunia tapi sengaja tidak segera untuk pergi ziarah. Saya tidak sembahyangkan jenazah bapa mertua. Saya cuma pergi masa dia dah dibawa ke kubur.

Bukan saya sahaja yang terbelenggu dengan masalah ini. Ramai lagi ahli-ahli Pas yang berpegang kepada prinsip seperti saya berdepan dengan dilema yang sama. Jadi bagaimana nak selesaikan masalah ini. Ia soal akidah yang penghujung syurga atau neraka.

Maknanya selagi saya tidak selesaikan isu ini, sampai ke hari ini saya rasa berdosa. Dosa mengkafirkan ayah dan abang serta saudara seagama ini begitu menghantui saya sehingga akhirnya saya fikir tidak boleh lagi berdiam diri sebab itu saya menghasilkan buku Kafirkan Aku. Ia satu dakwah untuk menyedarkan ahli-ahli Pas dan masyarakat umum.

Sebagai seorang anak dan adik, apa perasaan saudara di kala ucapan kafir itu dilafazkan kepada ayah dan abang.

ZAINON: Isu ini bukan berlaku kepada diri saya sahaja. Sebaik sahaja terbit Amanat Haji Hadi, sepanjang malam kami di dalam Pas mengadakan usrah. Dalam usrah itu kita bincang isu soal kafir mengkafir dan kita berpegang kepada keputusan perbincangan iaitu UMNO kafir. Maka, sesiapa sahaja yang terlibat dengan UMNO walaupun saudara kandung mahu pun ibu bapa sendiri mereka kafir. Oleh kerana amanat itu, kita ahli-ahli Pas percaya perpisahan kami dengan saudara kandung dan ibu bapa itu kerana Allah SWT.

Bila kita percaya perpisahan itu kerana Allah, ahli Pas percaya apabila meninggal dunia kelak tiada dosa apa-apa kerana mereka itu tadi kita anggap melanggar hukum Allah. Mereka bersubahat kerana bersetuju mengundi UMNO. Maknanya, kami rasa jalan yang diambil itu memang betul bertepatan dengan hukum kerana apa yang diberitahu oleh kepimpinan Pas begitu. Jadi kita

peganglah kepada benda ini.

Ayah saya memang kecewa dan dia pernah tulis surat. Surat itu ada pada saya sampai hari ini. Abang saya pula bila malam saya cakap terus terang bahawa antara kita putus hubungan adik-beradik, dia tersangat kecewa hingga dia kata: "Takkan sampai macam tu sekali kot" tapi malam itu saya kata balik: "memang macam inilah...Prinsip kami macam inilah,".

Apa sebenarnya peristiwa yang menerbitkan keinsafan kepada saudara kerana selama bersama Pas, saudara bukan sahaja sanggup mengkafirkan keluarga sendiri malah berhijrah ke Afghanistan kerana yakin dengan jihad dan syahid yang cuba diimplimentasi di Malaysia?

ZAINON : Sempadan keinsafan saya ini selepas berlakunya penyelewengan tabung memali. Akibat cuba mendedahkan isu penyelewengan ini saya dipecat dari Pas. Kemudian selepas 2008, apabila Pas merampas Kedah tetapi tidak melaksanakan beberapa tuntutan hukum berkait dengan judi dan arak dan ia direstui oleh pimpinan Pas Pusat termasuk oleh Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sendiri. Ini mengukuhkan lagi kesedaran saya.

Kami di dalam Pas sebelum ini dididik menganggap UMNO sebagai parti taghut antaranya kerana tidak menghapuskan judi dan arak tapi kerajaan Pas Kedah hari ini menghalalkan apa yang dilarang oleh hukum sebagai mana yang dijelaskan oleh Abdul Hadi pada awal tahun 80-an. Sekarang ini, Kedah mengamalkan perkara sama yang telah difatwakan sebelum ini sebagai kafir. Ini bermakna kerajaan Pas Kedah juga taghut.

Berdasarkan pengalaman sendiri dan rakan-rakan dalam Pas, adakah saudara percaya punca utama perpecahan di kalangan orang Melayu pada hari ini adalah disebabkan Pas yang memperalatkan agama mengikut acuan dan kepentingan politik sendiri?

ZAINON : Dulu memang saya pun berpegang kepada Amanat Haji Hadi iaitu UMNO kafir. Sebelum saya berpegang dengan amanat itu hubungan saya dengan ahli keluarga dan masyarakat tiada masalah. Masa kenduri-kendara pun kita bersama, tiada sempadan perpisahan. Tapi bila amanat itu keluar pada 1981 dan kami berpegang kepada fatwa UMNO itu kafir, di situlah bermula kita memisahkan diri.

Walau sebaik mana pun UMNO cuba berbaik, kita akan tolak. Mereka jemput ke majlis pun kita akan tolak kerana tidak mahu makan bercampur dengan orang 'kafir' dan kita memang diajar begitu. Dari situlah mula keluar fatwa sembelihan orang UMNO tidak sah, jenazah orang UMNO haram ke atas ahli Pas untuk sembahyang dan mandikan, perkahwinan dengan orang UMNO tidak sah dan banyak lagi.

Perpecahan ini memang berpunca daripada sikap pemimpin Pas dari dulu hingga sekarang. Orang Pas sendiri tidak mahu berbaik-baik dengan orang UMNO. Malah mereka akan memberi pelbagai alasan yang tidak logik dalam mewajarkan perkara ini. Contoh terbaik sekarang ini, mereka kata bantuan yang dihulurkan kerajaan itu walau baik macam mana pun untuk rakyat, penuh dengan 'racun'.

Selepas melihat dan melalui sendiri perpecahan ini adalah saudara merasa perjuangan yang cuba digerakkan ini sebagai jihad untuk menyatukan kembali umat Islam di Malaysia ini?

ZAINON: Saya tidak boleh mendiamkan diri, saya kena berjuang untuk

menyelesaikan masalah ini dan tiada cara lain melainkan secara terbuka saya menyeru Abdul Hadi yang mengeluarkan amanat itu supaya ambil satu sikap lebih bertanggungjawab, kerana selagi mana beliau tidak tarik amanat itu. Selagi itulah ahli-ahli Pas yang memegang prinsip seperti saya ini akan terdedah dengan masalah yang menekan perasaan kami sampai bila-bila

Abdul Hadi perlu sedar, kesan perpecahan akibat amanat beliau itu cukup besar seperti terjadinya peristiwa memali, solat dua imam, bercerai-berai dan macam-macam lagi. Ini perkara serius, apa lagi benda yang serius dalam agama selain akidah? Dalam isu kafir mengkafir ini semua ulama sudah mengatakan selagi mana orang tu mengucap dua kalimah syahadah, tidak boleh mengkafirkan orang tetapi kenapa pemimpin Pas sehingga ke hari ini, bersetuju mengkafirkan UMNO.

Ketika memulakan usaha ini, saya sedar risiko, ugutan, serta akan hilang kawan tetapi apabila direnung, saya tidak boleh lagi mengambil sikap berdiam diri. Maka, saya mengambil ketetapan untuk menjaga kepentingan ummah khususnya perpaduan umat Islam lebih daripada perasaan sayang saya kepada Pas. Saya terpaksa ketepikan ini semua demi selamatkan ummah dan Islam.

Semakin tinggi ilmu agama seseorang itu sepatutnya dia semakin tawaduk dan merendah diri tetapi dalam soal amanat ini meskipun telah menyebabkan perpecahan, Abdul Hadi cukup degil dan tidak mahu tarik balik, mengapa itu berlaku?

ZAINON: Saya rasa ini semua kerana ego. Ego bahawa ilmu yang mereka miliki itu lebih baik berbanding ilmuan lain yang bukan kalangan Pas. Mereka rasa hanya ulama dalam Pas sahaja ilmunya terbaik, tinggi dan boleh dipakai oleh masyarakat. Ulama-ulama lain walau sebaik mana pun dia, Pas tidak akan iktiraf malah kalau Abdul Hadi sendiri selepas isytihar keluar Pas meskipun tidak masuk UMNO tapi bersetuju dengan dasar UMNO akan dianggap sesat pemimpin Pas termasuk Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Bagi mereka, ilmu agama ini hak milik orang Pas sahaja. Walaupun kita pakai hujah yang sama, tafsir yang sama, surah yang sama. Maknanya di sini ada satu sifat keegoan yang tinggi yang tidak mahu mengaku bahawa ilmu orang lain baik daripada dia. Saya tidak mahu kata lebih tapi kalau ikut kenyataan pemimpin-pemimpin Pas yang lalu, ego ini sifat syaitan.

Antara asas kepada Amanat Haji Hadi dalam mengkafirkan UMNO adalah kerana berkawan dengan MCA dan MIC tetapi sekarang dalam konteks hubungan Pas dengan DAP kenapa boleh pula dihalalkan?

ZAINON : Benda ini memang banyak orang yang mempersoalkannya. Kalau dulu mereka mengatakan antara hujah mengkafirkan UMNO kerana berbaik dengan MCA dan MIC sekarang ini mereka pula berbaik dengan DAP kononnya mengikut Piagam Madinah. Benda ini satu penipuan. DAP bersetuju dengan Pas ini bukan kerana Islam tetapi kerana Pas itu sebuah parti. Ada beza antara Pas dengan Islam. Pas ini parti politik, Islam itu pegangan agama.

Sebab itulah pimpinan DAP selalu sebut mereka bersetuju dengan Pas ini bukan kerana Islam. Jelas di sini apa yang disebut Abdul Hadi dulu berbalik kepada beliau semula. Sebab itu ulama-ulama seperti Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria melarang mengkafirkan orang kerana takut balik kepada kita. Pas sama ada sedar atau tidak, setuju atau tak setuju terjat dalam isu ini.

Apakah gesaan saudara kepada ahli-ahli Pas agar dibuka minda dan pintu hati untuk melihat segala teguran ini secara terbuka?

ZAINON: Pertama sekali saya sebagai orang yang terlibat meminta sangat sama ada pemimpin mahu pun ahli-ahli Pas agar mereka bersifat terbuka. Setiap teguran daripada mana-mana pihak khususnya dalam konteks perpaduan ini demi kebaikan ummah. Saya sendiri menegur ini atas kehendak peribadi saya tanpa dipaksa oleh sesiapa. Dulu saya dah tegur secara dalaman dalam kes Memali tapi dipandang sepi.

Jadi sekarang ini saya buat buku biar masyarakat tahu saya dah tegur pimpinan pas. Biar seluruh rakyat baca Kafirkah Aku dan kemudian buat komen. Kalau ada pemimpin mahu pun ahli Pas tidak puas hati, saya sedia berjumpa dengan mereka pada bila-bila masa. Kepada kepimpinan Pas, buatlah yang terbaik untuk ummah. Saya bukan mahu menghina ulama dalam Pas tapi terimalah pandangan pihak lain terutama ulama di luar Pas demi kepentingan ummah.

PAShit

29. *sudin*

January 7, 2013 at 4:27 PM | [Permalink](#)

Salam Tun.

Saya syorkan Tun buat translation ke Bahasa Malaysia, kerana yang amat perlu untuk diperbetul dan semoga mendapat kesedaran kebanyakannya adalah orang2 Melayu dan kepada yang beragama Islam.

Dulu Tun pernah menyiarkan dwi-bahasa, jadi teruskan entri Tun ini seperti sedemikian.

Source: <http://chedet.cc/?p=37>